

## Semangat rakan OKU jadi inspirasi pembikinan video



3

MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (lima dari kiri), diiringi Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd Noordin Abbas (dua dari kiri), Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak (kiri sekali), Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad (kanan sekali) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Kamel Mohamad (sembilan dari kiri), menyampaikan hadiah kepada kumpulan Kelab Media PSA dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam yang mendapat tempat ke-2 dan membawa pulang wang tunai lima ribu ringgit dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Multimedia 2017 (MULVEC 2017) Siri 3, bertempat di Dewan Utusan, Ibu Pejabat Kumpulan Utusan, hari ini. - UTUSAN ONLINE/AMIN FARIJ HASAN

30 Januari 2018 6:20 PM

KUALA LUMPUR 30 Jan. - Didorong rasa ingin menonjolkan kemampuan seorang rakan yang bergelar orang kurang upaya (OKU), sekumpulan anak muda dari Politeknik Shah Alam berjaya menghasilkan sebuah video pendek mengenai semangat rakan mereka itu.

Lebih manis, video tersebut berjaya menggondol tempat kedua Pertandingan Video Multimedia (Mulvec 2017) siri 3 dan membawa pulang wang hadiah bernilai RM5,000.

"Dari segi idea, kami ingin tonjolkan kelebihan seorang OKU yang ramai tidak tahu.

"Mungkin pada mata orang ramai, rakan kami ini hanya mempunyai sebelah kaki, tetapi dia sebenarnya memiliki semangat yang tinggi, dan bukan seorang yang hanya mengharapkan simpati orang lain sahaja," kata Nurul Atika Sulaiman, sejeurus tamat majlis penyampaian hadiah MULVEC 2017, di sini hari ini.